



SIARAN MEDIA **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

NIK MOHD NOOR NIK KAR **DILANTIK SETIAUSAHA EAIC**

UNTUK SIARAN SEGERA
17 JULAI 2026

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengumumkan pelantikan Tuan Nik Mohd Noor Nik Kar sebagai Setiausaha merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, berkuat kuasa 17 Julai 2026.

Tuan Nik Mohd Noor Nik Kar berpengalaman luas dalam bidang perundangan menerusi khidmat di Jabatan Peguam Negara sebagai Pegawai Undang-Undang (Gred Utama C) sebagai Ketua Seksyen di Seksyen Kes-Kes Terkelas, Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara (2024 hingga 2026). Terdahulu, beliau pernah berkhidmat di Bahagian Guaman iaitu Unit Kontrak dan Kecuaian Perubatan (2010 hingga 2017). Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Guaman Negeri di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Pengarah Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengarah Biro Bantuan Guaman Sarawak dan Pegawai Siasatan di Kementerian Dalam Negeri.

Pelantikan ini akan memastikan kesinambungan pentadbiran dan tadbir urus EAIC dalam melaksanakan fungsi serta mandat di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

EAIC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Asliza Ali atas komitmen, kepimpinan dan khidmat bakti beliau sepanjang tempoh dua tahun menerajui pentadbiran Suruhanjaya sejak tahun 2024.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA

